MUNYATUL MUSOLLI

(Cita-Cita Orang Yang Bersembahyang)

11 KESEMPURNAAN SEMBAHYANG

Dan setengah hukama': Bahawasanya sembahyang itu menghimpunkan di dalamnya 12 ribu perkara. Kemudian maka disimpankan akan 12 ribu itu pada 12 perkara. Maka barangsiapa yang berkehendak sembahyang, maka tak dapat tiada, daripada mengetahui dan mengerjakan 12 perkara itu supaya sempurnalah sembahyangnya. Maka 6 perkara dahulu daripada masuk kepada sembahyang, dan 6 perkara kemudian daripadanya:

PERTAMA: Ilmu, kerana sabda Nabi ﷺ: "Amal yang sedikit yang dalam pengetahuan itu, terlebih baik daripada amal yang banyak di dalam jahil."

KEDUA: Wudhu', kerana sabda Nabi ﷺ tiada sembahyang itu, melainkan dengan **tohur** (طهور - suci daripada hadats).

KETIGA: Pakaian, kerana firman Allah ﷻ: خُذُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ

"Ambil oleh kamu akan pakaian kamu pada tiap-tiap masjid."

Yakni, pakai akan pakaian kamu pada tiap-tiap sembahyang.

KEEMPAT: Memeliharakan waktu.

KELIMA: Mengadapkan qiblat.

KEENAM: Niat, kerana sabda Nabi ﷺ: إِنَّمَا اْلأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

"Sungguhnya segala amal itu dengan niat."

KETUJUH: Takbiratul ihram, kerana sabdanya: تَحْرِيْمُهَا التَّكْبِيْرُ، وَتَحْلِيْلُهَا التَّسْلِيْمُ

"Yang mengharamkannya ialah takbir dan yang menghalalkannya ialah salam."

KEDELAPAN: Berdiri, kerana firman Allah ﷻ: وَقُوْمُوْا لِلهِ قَانِتِيْنَ

"Dan berdiri kamu kerana Allah dalam keadaan taat."

KESEMBILAN: Membaca Qur'an.

KESEPULUH: Ruku'.

KESEBELAS: Sujud dua kali.

KEDUA BELAS: Duduk tasyahhud akhir.